

**SULIT**  
**LATIH TUBI SPM 2022**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 2**  
**2 jam 30 minit**  
**Set 2**



**1103/2**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

**LATIH TUBI SPM 2022**

---

---

**BAHASA MELAYU**  
**KERTAS 2**  
**DUA JAM TIGA PULUH MINIT**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan Bahagian B, soalan 8 berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

**Latih Tubi ini mengandungi halaman 11 halaman bercetak**

**[Lihat halaman sebelah]**

**SULIT**

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 Markah]

[Masa dicadangkan : 45 Minit]

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata penekan** dan **dua kata penguat**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Usahawan dalam kalangan remaja bukan lagi sesuatu yang luar biasa. Sesungguhnya, pada hari ini, sesiapa yang paling rajin, berani dan cekal boleh menjadi usahawan tanpa mengira usia dan jantina. Hal ini didorong oleh kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang membolehkan sesiapa sahaja yang ingin menjalankan perniagaan dan mengaut keuntungan sangat lumayan malahan tanpa batasan menerusi perniagaan secara dalam talian. Nampaknya, banyak remaja di dunia ini yang bergelar jutawan dalam masa yang pantas sekali. Bahawasanya, kejayaan luar biasa mereka menjadi inspirasi kepada banyak orang.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 usahawan Remaja Berjiwa Kental  
 Oleh Fadhli Ali, *Dewan Siswa*, Mei 2020  
 [8 markah]

- 2 Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina **ayat tanya** dengan menggunakan **kata tanya** yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.
- (i) *Encik Aminuddin* pengarah eksekutif Syarikat Kencana Suria.
  - (ii) Puan Aisyah sekeluarga akan berpindah ke Negeri Sembilan *pada akhir bulan ini*.
  - (iii) Pertandingan pidato sempena Hari Belia Negara diadakan *di Dewan Angsana*.
  - (iv) Manisan dan aneka pencuci mulut yang dibuat oleh Ain mendapat pujian pelanggan *kerana dibuat daripada bahan-bahan yang bermutu tinggi*.
  - (v) *Teknologi dron* digunakan untuk kerja-kerja penyemburan racun dengan cepat dan selamat.
  - (vi) Penduduk di kawasan perumahan Taman Orkid Perdana hidup aman damai *melalui semangat kerjasama dan saling memahami antara mereka*.

[6 markah]

3. *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut semula.*

**Bahan 1**

Sering kali persoalan hak cipta timbul apabila berlaku penindasan terhadap hak ekonomi penulisnya. Seorang penulis yang telah mengorbankan waktu dan tenaga semasa menghasilkan karyanya akan merasa sungguh kecewa dan tertipu apabila cenderamata yang dijanjikan tidak tiba pada masa yang telah ditetapkan. Perkara yang lebih dikecewakan ialah penulis mengetahui bahawa karyanya telah terjual. Sikap tidak ambil peduli dan meremehkan persoalan hak cipta ini lama-kelamaan akan membunuh masa hadapan industri dan nilai kemanusiaan. Apabila isu tentang pelanggaran hak cipta berlaku, seharusnya kita tidak boleh tangan lepas dan membiarkan kegiatan itu tanpa sebarang usaha untuk bertindak.

Dipetik daripada  
Membina Sikap Peka Hak Cipta  
oleh Nisah Haron  
Tunas Cipta Bil 6/202  
[6 markah]

**Bahan 2**

Bagi seseorang penulis dan pengkarya kreatif, pandemik COVID-19 menjadi pencetus aspirasi walaupun terpaksa menelan seribu rasa kisah kehidupan yang penuh kepahitan, kesengsaraan, keperitan dan kedudukan. Di waktu itu, berbekalkan pengalaman dan kesungguhan, pengkarya mampu menghasilkan karya sebagai perakam sejarah yang mencatatkan segala jerih-perih kehidupan manusia memerangi virus berbahaya yang menjadi mimpi ngeri di seluruh dunia. Oleh itu, mereka yang menulis karya kreatif tidak sahaja terdiri daripada mangsa COVID-19, malahan karya tersebut juga dapat dihasilkan oleh para doktor-doktor, jururawat dan petugas kesihatan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Ilham di sebalik Pandemik  
oleh Noorisa Abdul Khilil  
Tunas Cipta Bil 6/2020  
[5 markah]

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Adapun akan Tun Kudu itu diperisterikan Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja. Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan kening sudah bertemu?”

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada  
dalam *Antologi Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
[6 markah]

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Dalam petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa dan berikan maksud bagi peribahasa yang dipilih.

Sejak usia setahun jagung, darah setampuk pinang lagi, ibu bapa Amir telah mendidik anak-anaknya agar berbudi bahasa dan hormat akan orang tua. Bukan itu sahaja, adik-beradik Amir juga terpelajar dan ada yang menuntut di luar negara. Namun tidak disangka-sangka, Amir telah melakukan tindakan di luar jangkaan kerana berkahwin secara diam-diam di Thailand dengan seorang gadis yang baru sahaja dikenalnya sebulan yang lalu. Sungguh luluh hati kedua-dua ibu bapa Amir bagi kaca terhempas ke batu dengan berita yang mengejutkan ini. Lebih malang lagi, bapa Amir diserang penyakit jantung setelah mengetahui berita tersebut dan seperti sudah jatuh ditimpa tangga, ibu Amir pula terkorban dalam kemalangan jalan raya ketika dalam perjalanan membawa suaminya ke hospital.

[4 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

[35 Markah]

[Masa dicadangkan : 60 minit]

- 6 Baca bahan-bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

**PERANAN GURU**

- Memasukkan elemen kreativiti dan humor dalam pengajaran sejarah.
- Membuat aktiviti-aktiviti pembelajaran sejarah yang menyeronokkan seperti lakonan, 'Gallery Walk', kajian lapangan dan sebagainya.
- Membawa pelajar-pelajar melawat muzium sejarah.

**Kepentingan mempelajari Sejarah**

- Dapat memupuk semangat cinta akan negara.
- Mengenang jasa tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan negara.
- Peristiwa dalam sejarah dapat dijadikan teladan.

**Bahan 2**

Pada masa ini, mata pelajaran Sejarah bukan lagi suatu mata pelajaran yang asing kepada murid-murid. Sejak sekolah rendah mereka sudah mempelajari mata pelajaran ini. Walau bagaimanapun terdapat murid yang beranggapan bahawa mata pelajaran sejarah susah dan membosankan sedangkan banyak faedah yang dapat diperolehi melalui mata pelajaran ini. Sejarah dapat mengelakkan diri kita daripada *mengulangi sesuatu kesilapan*. Banyak kesilapan manusia berlaku kerana tidak mengambil iktibar daripada sejarah. Kesilapan yang kita lakukan sepatutnya menjadi pengajaran. Selain itu, sejarah menjadi mekanisme utama dalam pembinaan negara bangsa. Martabat sejarah perlu diangkat untuk membentuk keperibadian rakyat. Mata pelajaran Sejarah berperanan sebagai alat untuk mendidik rakyat agar menyayangi negara yang tercinta ini. Melalui sejarah, rakyat akan lebih memahami bahawa terdapat perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara ini. Oleh hal yang demikian mereka tidak akan bertindak sesuka hati dalam melakukan sesuatu perkara.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kepentingan Mempelajari Sejarah'  
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 KPM

- i. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *mengulangi sesuatu kesilapan*.  
[2 markah]
- ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kebaikan-kebaikan mempelajari mata pelajaran Sejarah.  
[3 markah]
- iii. Menurut Profesor Emeritus Datuk Dr Abdullah Zakaria bin Ghazali, dalam usaha ke arah mewujudkan negara yang kuat, teguh dan makmur, pengalaman sejarah Malaysia wajar diambil teladan.  
Pada pendapat anda, apakah tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menarik minat murid mempelajari sejarah?  
[3 markah]
- iv. Mata pelajaran Sejarah telah diwajibkan lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013. Ramai rakan anda telah gagal mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan pertengahan tahun baru-baru ini.  
Sebagai rakan yang prihatin, apakah langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk membantu rakan anda agar lulus dalam mata pelajaran Sejarah bagi melayakkan mereka memperoleh sijil SPM?  
[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

#### Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angah ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan

Teo Wei Sing  
Suara Anak Pahang, 2009  
Pekan Ilmu Sdn.Bhd.  
Antologi *Sejarah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Bahan 2**

Ke mana perginya tubuh yang menyimpan suara tua itu dalam banjir begini? Saya mendail sekali lagi, menunggu ke hujung deringan. Dia menjawab, termengah-mengah. Juga masih tidak memberi ruang tanya kepada saya.

“Mak solat Zuhur tadi. Jangan bimbang tentang mak. Ikan kering ada, cabai kering pun ada. Kalau habis semua tu, mak makan nasi dengan garamlah. Jaga suami dan anak-anak kau baik-baik. Tak apalah, ada masa nanti baliklah jenguk mak di kampung ya. Assalamualaikum.”

Sederas jawapan yang menyembur dari hujung sana, sepantas itu juga talian diputuskan! Mengapa pemilik suara tua itu langsung tidak memberi ruang untuk saya berbicara? Atau telinganya sudah tidak mampu mendengar lagi? Ataupun dia bimbang bil telefon “anak” ini akan menjadi seperti harga ikan di pasar kami? Atau sememangnya dia keliru, siapa yang dikenakan bayaran? Bagaimana saya hendak menelan, dalam getar suara dari mulut tua yang hanya ada nasi berteman ikan kering?

Dipetik dan diubah suai daripada  
Cerpen ‘Banjir di Mata Emak’ oleh Che Soo Ismail  
Antologi Baik Budi Indah Bahasa  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, apakah yang berlaku kepada penyajak dalam rangkap 1.  
[2 markah]
- ii. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan harapan seorang ibu terhadap anaknya?  
[3 markah]
- iii. Seorang ibu sanggup memelihara sepuluh orang anaknya, tetapi sepuluh orang anak belum tentu dapat memelihara seorang ibu.  
Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu mengenang jasa seorang ibu?  
[4 markah]
- iv. Baru-baru ini telah tular menerusi media sosial isu seorang ibu telah ditinggalkan oleh anaknya di perhentian bas selama hampir 12 jam. Sayu hati anda membaca berita ini.  
Andaikan anda berada berhampiran kawasan tersebut, apakah tindakan yang akan anda lakukan untuk membantu ibu tersebut?  
[4 markah]



- 8 (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kamu cuba mengatakan kaedah rawatan tradisional telah gagal merawat penyakit ayah kamu ?”

“Tidak sama sekali, pak cik dengar dulu, saya tak bermaksud begitu,” nada suaranya menggambarkan dia cuba untuk bersopan-santun dan merendahkan hati.

Kemudian dia memberitahu kami tentang sains asas. “Tubuh kita terdiri daripada 60 trilion sel yang membentuk asas kehidupan. Setiap bahagian tubuh perlulah benar-benar sihat supaya tubuh dapat berfungsi pada tahap optimum. Akan tetapi dengan dunia hari ini yang kian tercemar, pencemaran udara, pencemaran air, tekanan harian, kurang bersenam, gaya hidup tidak sihat dan diet yang tak menentu, kita terdedah kepada penyakit, pak cik.”

Datuk kelihatan benar-benar bingung. “Kaki ayah kamu semakin sembuh dan tak bengkok lagi, dia tak patut berhenti separuh jalan.”

“Benar pak cik, dan kami sangat berterima kasih kepada pak cik kerana telah sejauh ini membantu merawat penyakit ayah kami.”

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*,  
Karya Ruhaini Mat Darin  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah yang menyebabkan seseorang terdedah kepada penyakit?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Nor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (f) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (g) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa yang menyentuh perasaan anda.

[6 markah]

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**

[30 Markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

9. *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan. kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

**Bahan 1**

Sejak mengecap kemerdekaan lebih 60 tahun yang lalu, Malaysia telah menjadi sebuah negara yang pesat membangun dari setiap sudut sosioekonomi. Namun begitu, kemajuan yang berorientasikan keuntungan semata-mata seakan-akan mengikis tandusnya pertimbangan manusia terhadap khazanah alam. Antara pencemaran yang kerap berlaku dalam negara kita ialah pencemaran sungai. Punca utama berlaku pencemaran sungai ialah pembuangan sampah sarap oleh individu yang tidak bertanggungjawab ke dalam sungai. Ramai individu yang membuang sampah sarap ke dalam sungai pada waktu malam demi mengelak daripada ditangkap oleh penguat kuasa. Pencemaran sungai boleh mengancam sumber air mentah di kawasan keliling. Sampah sarap dan najis yang dibuang ke dalam air juga menggalakkan bakteria untuk terus membiak dan menjadi masalah kepada kehidupan di dalam air mahupun kepada manusia sendiri.

Kegiatan pembalakan yang semakin hari semakin rancak bakal mengancam khazanah alam yang kita miliki. Selain itu, penggunaan baja kimia, racun serangga, dan racun rumpai dalam sektor pertanian berhampiran sungai juga membahayakan sungai. Pembalakan pokok-pokok dan kegiatan pertanian akan menyebabkan hakisan tanah berlaku dan masuk ke dalam sungai. Aktiviti melombong pasir sungai juga menyebabkan pencemaran air sungai. Berbekalkan tenaga profesional yang cekap dan teknologi yang tiada batasan hari ini, pastinya sebuah mekanisme dapat digunakan bagi memastikan pencemaran sungai dapat dikurangkan bagi menjamin kelestarian alam semesta ini.

Dipetik dan diubah suai daripada:


[www.ipendidikan.my](http://www.ipendidikan.my)

**Bahan 2**

Pencemaran sisa kimia Sungai Kim Kim ialah kejadian pencemaran air yang berlaku pada 7 Mac 2019, akibat daripada pembuangan sisa-sisa kimia daripada kilang-kilang berdekatan tanpa sebarang tapisan di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor, Malaysia. Pada hari berkenaan, bau bahan kimia sangat kuat dikesan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan Pasir Putih di Pasir Gudang. Murid kedua-dua sekolah itu bersama-sama guru dan pekerja kantin juga mengalami simptom pening, loya, muntah dan ada yang pengsan dihantar ke Hospital Sultan Ismail. Gelombang keracunan air kedua berlaku pada 11 Mac dengan 106207 lagi mangsa telah dimasukkan ke hospital sebelum meningkat kepada lebih daripada 1000 mangsa. Pembuangan secara haram itu mengeluarkan asap toksik, menjejaskan kualiti air serta penduduk setempat sehingga 6000 orang, dan daripada jumlah itu, 2775 orang telah menerima rawatan.

Dipetik dan diubah suai daripada:

[www.wikipedia.com](http://www.wikipedia.com)

**Bahan 3**

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**